

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

(Buku Teks m.s. 172 – 173)

- 1 Ibrahim Haji Yaakob telah mengasaskan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Apakah perjuangan KMM?
- A Memartabatkan bahasa Melayu
 - B Menggalakkan sikap bekerjasama
 - C Memajukan ekonomi orang Melayu
 - D Memperjuangkan kemerdekaan negara

(Buku Teks m.s. 172)

- 2 Apakah parti politik yang menggunakan konsep berikut sebagai matlamat politik?

Melayu Raya

- A UMNO
- B PKMM
- C KMM
- D PAS

(Buku Teks m.s. 172)

- 3 Bagaimanakah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) mencapai matlamat berikut?

Membentuk perpaduan

- A Menentang ancaman komunis
- B Memperjuangkan hak sama rata
- C Menanam semangat kebangsaan
- D Menekankan pemerintahan demokrasi

(Buku Teks m.s. 172)

- 4 Mengapakah British mengharamkan pertubuhan berikut?

Angkatan Pemuda Insaf (API)

- A Memperjuangkan hak rakyat
- B Membuat tuntutan kemerdekaan
- C Menyokong perjuangan komunis
- D Menggunakan pendekatan radikal

(Buku Teks m.s. 172)

- 5 Mengapakah parti berikut menentang Malayan Union?

Parti	United Malays National Organisation (UMNO)
Pengasas	Dato' Onn bin Jaafar
Tahun	1951

- I Memelihara status quo orang Melayu
- II Menjamin kedaulatan Raja-raja Melayu
- III Menyekat perluasan pengaruh komunis
- IV Mewujudkan perpaduan antara kaum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 172)

- 6 Pilih pasangan yang tepat berkaitan dengan idea perjuangan parti politik berikut.

Pilihan Jawapan	Parti Politik	Perjuangan
A	Hizbul Muslimin	"Merdeka"
B	Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)	"Tanah Melayu untuk Malayan"
C	Independence of Malayan Parti (IMP)	"Hidup Melayu"
D	Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML)	"Hidup Melayu-Merdeka"

(Buku Teks m.s. 173)

- 7 Apakah persamaan matlamat penubuhan persatuan berikut?

- Malayan Indian Congress
- Malayan Chinese Association

- A Pembinaan satu negara bangsa
- B Bersatu pertahankan hak peribumi
- C Bekerjasama dengan semua kaum
- D Pembinaan sebuah negara merdeka

(Buku Teks m.s. 173)

7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

(Buku Teks m.s. 174 – 177)

- 8 Mengapakah perundingan antara kaum penting bagi Persekutuan Tanah Melayu mencapai status berkerajaan sendiri?
- A Mengukuhkan institusi beraja
 - B Menyatupadukan pelbagai kaum
 - C Merangka perlembagaan baharu
 - D Melaksanakan pilihan raya umum

(Buku Teks m.s. 174)

- 9 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan untuk mengatasi ketegangan kaum di Tanah Melayu. Bagaimanakah CLC menyelesaikan masalah tersebut?
- A Membentuk kongres
 - B Melaksanakan perjanjian
 - C Menggunakan rundingan
 - D Mengadakan perdamaian

(Buku Teks m.s. 174)

- 10 Langkah berikut diambil pada Januari 1949.

Menghimpunkan pemimpin utama pelbagai kaum di Tanah Melayu.

Bagaimanakah proses tersebut dilakukan?

- A Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu
- B Pengenalan Dasar Pendidikan Kebangsaan
- C Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- D Penubuhan Rancangan Pembangunan Lima Tahun

(Buku Teks m.s. 174)

- 11 Apakah tujuan pembentukan CLC?

- I Membaiki sistem pentadbiran yang mantap
 - II Mewujudkan keadaan muhibah penduduk
 - III Mengkaji hubungan kaum secara mendalam
 - IV Mencadangkan undang-undang berkaitan jabatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 174)

- 12 Apakah jawatan tokoh berikut dalam Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?



E. E. C. Thuraisingham

- A Penaung
- B Pengerusi
- C Penasihat
- D Pemerhati

(Buku Teks m.s. 174 – 175)

- 13 Apakah kepentingan penubuhan CLC terhadap negara?

- A Mendapat sokongan semua kaum
- B Menjadi asas kemerdekaan negara
- C Meningkatkan kestabilan sosioekonomi
- D Menggembeleng tenaga menyokong kerajaan

(Buku Teks m.s. 174 – 175)

- 14 CLC berperanan menyelesaikan isu pertikaian antara kaum di Tanah Melayu.

Apakah isu tersebut?

- A Keistimewaan semua kaum
- B Kemajuan sektor perdagangan
- C Kedudukan ekonomi kaum lain
- D Kewarganegaraan bukan Melayu

(Buku Teks m.s. 176)

- 15 Bagaimanakah keadaan pendidikan Tanah Melayu sebelum merdeka?

- A Penggunaan bahasa Melayu
- B Sistem persekolahan yang sama
- C Sukatan pelajaran yang berlainan
- D Penggunaan buku teks yang sama

(Buku Teks m.s. 176)

- 16 Apakah tuntutan orang Melayu sebagai penduduk asal Alam Melayu?

- A Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- B Menubuhkan jawatankuasa pendidikan
- C Mendapat tempat dalam pentadbiran
- D Memperoleh kedudukan istimewa

(Buku Teks m.s. 176)

- 17 Rajah berikut berkaitan dengan hasil rundingan CLC ke arah berkerajaan sendiri.



Apakah X?

- A Majlis Negeri
- B Majlis Eksekutif
- C Majlis Persekutuan
- D Majlis Perbandaran

(Buku Teks m.s. 177)

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan CLC.

Sebuah agensi ditubuhkan untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu.

Apakah agensi tersebut?

- A Majlis Tindakan Ekonomi Negara
- B Lembaga Pembangunan Industri Desa
- C Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
- D Lembaga Kemajuan Wilayah Persekutuan

(Buku Teks m.s. 177)

- 19 Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) adalah bukti tolak ansur orang Melayu ke arah perpaduan kaum negara. Apakah tolak ansur orang Melayu tersebut?

- A Menggunakan pendekatan muafakat
- B Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- C membenarkan kemasukan kaum imigran
- D Mencadangkan sistem pendidikan kebangsaan

(Buku Teks m.s. 177)

- 20 Orang Melayu bersetuju memberi kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu. Mengapakah orang Melayu bersetuju bertindak demikian?

- A Mewujudkan keharmonian kaum
- B Mempertahankan hak peribumi
- C Melahirkan semangat patriotik
- D Memelihara kestabilan politik

(Buku Teks m.s. 177)

- 21 CLC telah mencadangkan penubuhan sistem pendidikan yang seragam di Tanah Melayu. Apakah kepentingan cadangan tersebut?

- A Memberi pengalaman pentadbiran
- B Memelihara kestabilan ekonomi
- C Melahirkan semangat toleransi
- D Memupuk perpaduan kaum

(Buku Teks m.s. 177)

- 22 Apakah pendekatan yang digunakan oleh CLC untuk membentuk persefahaman antara pemimpin kaum di Tanah Melayu?

- I Toleransi
- II Integriti
- III Berwawasan
- IV Pemufakatan

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 177)

7.3 Sistem Ahli

(Buku Teks m.s. 178 – 179)

- 23 Dasar dekolonisasi telah diperkenalkan oleh PBB selepas Perang Dunia Kedua.

Apakah kesan dasar tersebut kepada tanah jajahan?

- A Berkerajaan sendiri
- B Kemajuan ekonomi
- C Pembukaan bandar
- D Penjajahan baharu

(Buku Teks m.s. 178)

- 24 Apakah cadangan Dato' Onn Jaafar bagi mengatasi kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan?

- A Pelaksanaan Sistem Ahli
- B Kemasukan golongan imigran
- C Pengenalan sistem demokrasi
- D Kelonggaran syarat kerakyatan

(Buku Teks m.s. 178)

- 25 Mengapakah sistem berikut diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu?

Tahun	Perkara
1951	Sistem Ahli

- A Melaksanakan kempen pilihan raya umum
- B Merangka perlembagaan baru yang merdeka
- C Membincangkan sistem pendidikan orang Melayu
- D Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran

(Buku Teks m.s. 178)

- 26 Sistem Ahli mengekalkan tiga portfolio di bawah pentadbiran British.
Antara berikut, yang manakah portfolio tersebut?
I Hal Ehwal Ekonomi
II Tenaga dan Sumber Asli
III Pembangunan Luar Bandar
IV Perumahan dan Kerja Raya
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 178)

- 27 Apakah tanggungjawab anggota Majlis Perundangan Persekutuan dalam Sistem Ahli?
A Memimpin sistem kabinet
B Mengetuai pelbagai bidang
C Mentadbir beberapa jabatan
D Melindungi penduduk tempatan

(Buku Teks m.s. 178)

- 28 Pilih pasangan yang **tepat** berkaitan dengan portfolio yang diwujudkan di bawah Sistem Ahli.

Pilihan Jawapan	Portfolio	Ahli
A	H. S. Lee	Ahli Pelajaran
B	Dato' Onn Jaafar	Ahli Hasil Bumi
C	Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
D	Dr. Ismail Abdul Rahman	Ahli Pengangkutan

(Buku Teks m.s. 178)

- 29 Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga Jun 1955.
Apakah gelaran lain bagi sistem tersebut?
A Sistem Jemaah Menteri
B Sistem kabinet bayangan
C Sistem pentadbiran pusat
D Sistem Penasihat Persekutuan

(Buku Teks m.s. 179)

- 30 Siapakah yang melantik "Ahli" dalam Sistem Ahli?
A Ketua Menteri
B Majlis Raja-Raja
C Pesuruhjaya Tinggi British
D Majlis Perundangan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 179)

- 31 Apakah kebaikan penubuhan Sistem Ahli terhadap negara kita?
I Menjadi asas mencapai kemerdekaan
II Menyatukan semua negeri Melayu
III Pemulihan kedaulatan Raja-raja Melayu
IV Pendedahan penduduk dalam pentadbiran
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 179)

- 32 Bagaimanakah Sistem Ahli dapat memperkukuh perpaduan rakyat?
A Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas
B Undang-undang antiperkauman digubal
C Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
D Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan

(Buku Teks m.s. 179)

7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan

(Buku Teks m.s. 180 – 183)

- 33 Senarai berikut merupakan sekolah yang terdapat di Tanah Melayu.

- Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah India
- Sekolah Inggeris

Apakah sistem persekolahan tersebut?

- A Sekolah umum
B Sekolah rendah
C Sekolah vernakular
D Sekolah kebangsaan

(Buku Teks m.s. 180)

- 34 Sistem pendidikan sebelum merdeka tidak dapat memupuk perpaduan kaum di Tanah Melayu.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Kemudahan asas terhad
B Bahasa ibunda digunakan
C Pentadbiran yang berbeza
D Peruntukan kewangan terhad

(Buku Teks m.s. 180)

- 35 Senarai berikut berkaitan dengan persekolahan di Sarawak dan Sabah.

- Sekolah Cina
- Sekolah vernakular Melayu
- Sekolah mubaligh Kristian

Apakah kesan daripada sistem persekolahan tersebut?

- A Perbezaan jurang ekonomi
- B Perpaduan kaum terlaksana
- C Pengurusan yang sistematik
- D Perkembangan bahasa Inggeris

(Buku Teks m.s. 180)

- 36 Rajah berikut berkaitan dengan cadangan jawatankuasa pelajaran di Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Laporan Barnes
- B Laporan Fenn-Wu
- C Ordinan Pelajaran
- D Laporan Woodhead

(Buku Teks m.s. 180)

- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan jawatankuasa pelajaran di Tanah Melayu.

X diterbitkan berikutan bantahan daripada masyarakat Cina terhadap Laporan Barnes.

Apakah X?

- A Laporan Razak
- B Laporan Fenn-Wu
- C Laporan Rahman Talib
- D Laporan Jawatankuasa Penasihat Pusat

(Buku Teks m.s. 180)

- 38 Laporan pendidikan berikut diterbitkan pada tahun 1951.

Laporan Fenn-Wu

Mengapakah laporan tersebut diterbitkan?

- I Memansuhkan sekolah vernakular

- II Menggubal kurikulum yang seragam
 - III Mengkaji pendidikan sekolah Cina
 - IV Mencadangkan penambahbaikan sekolah Cina
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 180)

- 39 Jadual berikut berkaitan dengan jawatankuasa pelajaran.

Jawatankuasa Pendidikan	Ordinan Pelajaran 1952
Ditubuhkan	Selepas Jawatankuasa Penasihat Pusat Pelajaran meneliti Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu.

Apakah tujuan pembentukan jawatankuasa pelajaran tersebut?

- A Penggunaan bahasa rasmi Persekutuan
- B Pendidikan berorientasikan negara asal
- C Tenaga pengajar dibawa dari negara asal
- D Bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua

(Buku Teks m.s. 181)

- 40 Ordinan Pelajaran 1952 gagal mencapai matlamat. Apakah faktor jawatankuasa pelajaran tersebut gagal?

- A Negara mengalami masalah kewangan
- B Kejatuhan harga komoditi utama negara
- C Ancaman komunis semasa Zaman Darurat
- D Mendapat tentangan daripada semua kaum

(Buku Teks m.s. 181)

- 41 Maklumat berikut berkaitan dengan Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah.

Tahun	1955
Pengerusi	E. W. Woodhead
Cadangan	Memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah

Apakah nilai yang dibentuk melalui laporan tersebut?

- I Toleransi
- II Kebersamaan
- III Perasaan kekitaan
- IV Hormat-menghormati

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 182)

- 42 Pernyataan berikut merujuk kepada Laporan Woodhead 1955 di Sabah.

Menetapkan peperiksaan di sekolah menengah

Apakah bahasa untuk mengendalikan peperiksaan tersebut?

- A Bahasa Inggeris
- B Bahasa Cina
- C Bahasa Melayu
- D Bahasa ibunda

(Buku Teks m.s. 182)

- 43 Ordinan Pelajaran Koloni 1956 diperkenalkan untuk meneruskan rancangan Woodhead.

Apakah matlamat pendidikan kebangsaan tersebut?

- A Memupuk integrasi dan perpaduan kaum
- B Menyeragamkan kurikulum dan peperiksaan
- C Menggunakan bahasa pengantar yang sama
- D Mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada

(Buku Teks m.s. 182)

- 44 Tokoh berikut telah mempengerusikan Jawatankuasa Pelajaran 1956.



Dato' Abdul Razak Hussein

Apakah cadangan jawatankuasa tersebut?

- A Sekolah menengah menggunakan bahasa ibunda
- B Sekolah Jenis Umum menggunakan bahasa Melayu
- C Sekolah kebangsaan menggunakan bahasa Inggeris
- D Sekolah Umum (rendah) menggunakan bahasa Melayu

(Buku Teks m.s. 183)

- 45 Maklumat berikut berkaitan dengan Penyata Razak 1956.

- Memperkenalkan sistem pendidikan yang sama
- Kandungan kurikulum yang seragam
- Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

Apakah sumbangan penyata tersebut terhadap negara?

- A Membentuk identiti bangsa
- B Mengukuhkan perpaduan kaum
- C Membangunkan ekonomi rakyat
- D Mengatasi kemiskinan masyarakat

(Buku Teks m.s. 183)

7.5 Penubuhan Parti Politik

(Buku Teks m.s. 184 – 187)

- 46 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan parti politik di Tanah Melayu.

Tarikh	September 1951
Parti	Independence of Malayan Party (IMP)
Pengasas	Dato' Onn bin Jaafar Tan Cheng Lock

Apakah tujuan penubuhan parti tersebut?

- I Menyatukan pelbagai kaum
- II Mencapai kemerdekaan negara
- III Menjaga kepentingan penduduk
- IV Menuntut keadilan sosioekonomi
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 184)

- 47 Apakah matlamat penubuhan parti politik berikut selepas Perang Dunia Kedua?

Tarikh Penubuhan	Parti
Mac 1946	Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)
Jun 1946	Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML)
Februari 1954	Parti Negara

- A Menuntut kemerdekaan negara
- B Membentuk perpaduan kaum
- C Melahirkan kesedaran politik
- D Menjamin keadilan ekonomi

(Buku Teks m.s. 184 – 185)

- 48 Pakatan PUTERA-AMCJA telah melahirkan Manifesto Perlembagaan Rakyat. Apakah kandungan manifesto tersebut?
- A Penambahan anggota portfolio
 - B Pengamalan sistem demokrasi
 - C Penubuhan perkhidmatan awam
 - D Penerimaan satu kewarganegaraan
- (Buku Teks m.s. 186)


- 49 Gerakan politik berikut terlibat dalam kerjasama politik ke arah kemerdekaan.

- Persidangan Kebangsaan
 - Konvensyen Kebangsaan

Apakah persamaan gerakan politik tersebut?

- A Membentuk parti politik kebangsaan
 - B Mengadakan pilihan raya Persekutuan
 - C Menerima persamaan kewarganegaraan
 - D Memperjuangkan keadilan sosioekonomi
- (Buku Teks m.s. 186 – 187)

- 50 Apakah parti politik yang menggunakan logo berikut?



Kapal layar

- A Parti Negara
 - B Parti Perikatan
 - C Parti Kemerdekaan Malaya
 - D Parti Islam Se-Tanah Melayu
- (Buku Teks m.s. 187)